

Headline	2 urus 'haji ekspres' dipenjara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 May 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	23	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	251 cm <sup>2</sup>
Journalist	Ahmad Johari Mohd Ali	AdValue	RM 4,539
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,617



# 2 urus 'haji ekspres' dipenjara

» *Tertuduh ubah suai pangkalan data, terima rasuah langkau giliran*

Oleh **Ahmad Johari Mohd Ali**  
 Kuaia Lumpur

**J**uru analisis sistem dan kerani Lembaga Tabung Haji (TH) masing-masing dipenjara selama tiga dan empat tahun selepas didapati bersalah membuat pengubahsuaian kandungan pangkalan data dan menerima rasuah untuk melangkau giliran menunaikan ibadat haji atau 'haji ekspres'.

Hakim Mat Ghani Abdullah menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM20,000 atau lapan bulan penjara bagi setiap tiga pertuduhan terhadap juru analisis sistem di Jabatan Teknologi Maklumat, Afizul Md Yasin, 36.

## Digantung tugas

Kerani di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Haji, Roslan Mohamed Som, 49, pula dihukum penjara empat tahun dan denda RM40,000 atau

16 bulan penjara jika gagal membayar denda berkenaan.

Mat Ghani membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Sophian Zakaria.

Hakim membenarkan permohonan peguam untuk menangguhkan pelaksanaan hukuman penjara dan denda ke atas kedua tertuduh yang kini digantung tugas, dengan syarat jumlah wang jaminan sebelum ini dinaikkan kepada RM30,000 setiap seorang.

## Tiga tuduhan berasingan

Afizul didakwa atas tiga tuduhan berasingan membuat capaian ke pangkalan data Tabung Haji dan memasukkan nama 27 jemaah haji menggunakan program khas komputer Win SQL, yang menyebabkan pengubahsuaian kandungannya.

Dia didakwa mengikut Seksyen 5(1) Akta Jenayah Kom-

puter 1997 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 5(4) akta sama, membawa maksimum penjara tujuh tahun atau denda RM100,000 atau keduanya sekali.

Roslan dituduh menerima rasuah RM6,750 sebagai upah daripada Shamsudin Ibrahim, selaku orang tengah, untuk menolong menguruskan nama 27 jemaah haji yang tidak layak menunaikan haji pada tahun 2010 supaya dapat pergi pada tahun itu.

Dia dituduh mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.

Ketika berhujah supaya tertuduh dikenakan hukuman setimpal, Mohd Sophian berkata mahkamah

perlu melihat kes itu adalah serius kerana mereka melanggar undang-undang apabila menerima wang dan meletakkan nama orang yang tidak sepatutnya mengerjakan ibadat haji pada tahun berkenaan.

Beliau berkata, kes itu membabitkan kepentingan awam kerana kedua-dua tertuduh mencemarkan nama TH dan kerajaan serta menafikan hak orang yang hendak mengerjakan haji.

“*Kes itu membabitkan kepentingan awam kerana kedua-dua tertuduh mencemarkan nama TH dan kerajaan serta menafikan hak orang yang hendak mengerjakan haji*”

**Mohd Sophian Zakaria,**  
 Timbalan Pendakwa Raya  
 SPRM